

Program amal PWTC

nur ramadan

ANTARA nikmat yang harus disyukuri setiap kali tiba Ramadan ialah menyaksikan kemurahan hati pelbagai pihak dalam meringankan beban golongan kurang bernasib baik.

Usaha sama dilakukan oleh pihak pengurusan Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), yang buat kali ketiga bekerjasama dengan Yayasan Kasih Tauhid (YKT) menghulurkan bantuan dan meringankan beban golongan asnaf sempena bulan Ramadan.

Program diadakan menerusi penganjuran Sentuhan

Kasih Ramadan Siri 3 yang bermula 10 Jun lalu sehingga 3 Julai ini.

Program tersebut membabitkan pengagihan makanan berbuka puasa bagi keluarga-keluarga miskin di kawasan perumahan awam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT).

Antaranya di PPRT Wahyu, PPRT Batu dan PPRT Setapak, Kuala Lumpur.

Menurut Pengurus Besar Operasi PWTC, **Zalidi Rahim**, sumbangan makanan ini amat bermakna kerana keseluruhannya disediakan oleh pihak pengurusan PWTC.

“Program ini merupakan inisiatif ulung Yayasan Kasih Tauhid (YKT), bawah naungan Pengerusi Eksekutif dan Pengasasnya, **Puan Sri Fatini Yaacob** yang turut hadir bagi menjayakan program murni ini.

“Antara objektif program ini adalah untuk membantu kebajikan golongan asnaf dan mengeratkan hubungan silaturahim antara badan korporat dengan masyarakat.

“Selain itu, program tersebut diharap dapat menyemai kesedaran dan keinsafan kepada semua yang terbelenggu dengan masalah ekonomi,” jelasnya.

Sementara itu, buat pertama kalinya pihak pengurusan PWTC turut menganjurkan program amal membantu nasib orang-orang gelandangan.

Sebanyak 150 bungkus makanan mengandungi juadah berbuka puasa diagihkan kepada penghuni-penghuni di Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur.

“Pihak kami memilih Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur kerana berdekatan dengan bangunan PWTC, sekali gus memudahkan pihak kami untuk menghantar makanan kepada penghuni-penghuni pusat tersebut.

“Melalui pengagihan makanan ini diharap golongan gelandangan tidak berasa tersisih atau dipandang hina oleh masyarakat, serta diharap dapat menyemai kesedaran dan keprihatinan terhadap insan-insan yang kurang bernasib baik,” jelasnya.

ZALIDI RAHIM menyampaikan sumbangan makanan kepada salah seorang gelandangan di Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur, baru-baru ini.

